





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)  
Aras 16, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 5060  
Faks : 603-8870 6807  
Laman Web : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj. Kami : KPT.100-12/7/1 ( 3 )  
Tarikh : 29 Oktober 2015

**SEPERTI EDARAN**

YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, inovasi merupakan pemacu ekonomi negara dalam kita menghadapi cabaran global dan merupakan asas kepada pertumbuhan negara. Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam telah ditetapkan pada 31 Oktober setiap tahun bagi menandakan kepentingan budaya inovasi dalam mendokong agenda transformasi sektor awam.

3. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan pelbagai program ke arah peningkatan budaya inovasi di kalangan warga KPT sepanjang tahun 2015. Penganjuran program-program tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di peringkat Kementerian serta memberi pengiktirafan ke atas komitmen pegawai dan pihak pengurusan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan, antara pengisian program yang telah dirancang adalah **Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (AIKPT) Tahun 2015**.

4. Sehubungan dengan itu, Kementerian ingin mempelawa YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan untuk mencalonkan projek/hasil inovasi masing-masing untuk menyertai anugerah ini bagi kategori **Inovasi dalam TVET**. Pemenang pertama kategori ini akan membawa pulang wang tunai RM5000, trofi dan sijil penghargaan.

5. Garis panduan dan Borang Penyertaan AIKPT 2015 adalah seperti di **Lampiran I** dan **Lampiran II** atau YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan boleh juga **memuat turun di portal KPT ([www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my))**. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan :

- i. **Borang penyertaan** yang telah lengkap seperti di **Lampiran II**;
- ii. **Laporan penuh projek inovasi** seperti yang ditetapkan di dalam syarat penyertaan – **4 salinan (hard copy)** dan **1 salinan (soft copy-CD)**; dan
- iii. **Ringkasan projek** dengan menggunakan format seperti di **Lampiran III**.

*WMP/KC*

*Sila sebariskan dengan*

*Segara*

*Tailor butang 13 Nov*

*WSP*  
*GM/WR*

6. Dokumen-dokumen tersebut perlu dikemukakan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **13 November 2015 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari** ke alamat berikut:

**Urus Setia Anugerah Inovasi KPT 2015**

Unit Inovasi  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 3, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200 Putrajaya  
(Faks : 03-88706823)

7. Sebarang pertanyaan mengenai AIKPT 2015 boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut :

- i. Cik Ina Tisha Merican Binti Din Merican  
Tel : 03-88706075  
Emel : tisha@mohe.gov.my
- ii. Puan Munira Asmal Binti Aris  
Tel : 03-88706076  
Emel : munira@mohe.gov.my
- iii. Puan Mawardah Binti Masri  
Tel : 03-88706077  
Emel : mawardah@mohe.gov.my

8. Segala perhatian dan sokongan YBhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan bagi menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD)**

b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

✉ [hasnolzamzam@mohe.gov.my](mailto:hasnolzamzam@mohe.gov.my)

s.k :

YBhg. Dato' Seri KSU  
YBhg. Dato' TKSU(B)  
SUB BKP

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah  
Politeknik Ungku Omar  
Jalan Raja Musa Mahadi  
**31400 IPOH**

Pengarah  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah  
Semambu  
**25350 KUANTAN**

Pengarah  
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Bandar Darulaman  
**06000 JITRA**

Pengarah  
Politeknik Kota Bharu  
Km 24, Kok Lanas  
**16450 KETEREH**

Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak  
Km 22 Jalan Matang  
**93050 KUCHING**

Pengarah  
Politeknik Port Dickson  
Km 14, Jalan Pantai  
**71050 SI RUSA**

Pengarah  
Politeknik Kota Kinabalu  
Jalan Politeknik, Menggatal  
**88450 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,  
**40150 SHAH ALAM**

Pengarah  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Km 10, Jalan Kong Kong  
81700 Pasir Gudang, Johor

Pengarah  
Politeknik Seberang Perai  
Jalan Permatang Pauh  
**13500 PERMATANG PAUH**

Pengarah  
Politeknik Melaka  
No. 2, Jalan Ppm 10, Plaza Pandan Malim  
**75250 MELAKA**

Pengarah  
Politeknik Kuala Terengganu  
Jalan Sultan Ismail  
**20200 KUALA TERENGGANU**

Pengarah  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  
Km 8, Jalan Paka  
**23000 DUNGUN**

Pengarah  
Politeknik Merlimau  
Kb 1031, Pejabat Pos Merlimau  
**77300 MERLIMAU**

Pengarah  
Politeknik Sultan Azlan Shah  
Behrang Stesen  
**35950 BEHRANG**

Pengarah  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim Hi-Tech Park  
**09000 KULIM**

 Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Sungai Lang  
**45100 SUNGAI AIR TAWAR**

Pengarah  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin  
Pauh Putra,  
**02600 ARAU**

Pengarah  
Politeknik Muadzam Shah  
Lebuhraya Tun Abdul Razak  
**26700 MUADZAM SHAH**

Pengarah  
Politeknik Mukah Sarawak  
Km 7.5, Jalan Oya  
**96400 MUKAH**

Pengarah  
Politeknik Balik Pulau  
Pinang Nirai Mukim 6  
**11000 BALIK PULAU**

Pengarah  
Politeknik Jeli  
Jalan Raya Timur - Barat  
**17600 JELI**

Pengarah  
Politeknik Nilai  
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,  
**71760 BANDAR ENSTEK**

Politeknik Banting  
Persiaran Ilmu, Jln Sultan Abdul Samad  
**42700 BANTING**

Pengarah  
Politeknik Mersing  
Jalan Nitar  
**86800 MERSING**

Pengarah  
Politeknik Hulu Terengganu  
**21700 KUALA BERANG**

Pengarah  
Politeknik Sandakan  
Education Hub, Batu 10, Jalan Sungai Batang  
**90000 SANDAKAN**

Politeknik Metro Kuala Lumpur  
No.2-14, Jalan Setiawangsa 10, Taman Setiawangsa  
**54200 KUALA LUMPUR**

Pengarah  
Politeknik Metro Kuantan  
A-5, Jalan Tun Ismail 2, Sri Dagangan 11,  
**25000 KUANTAN**

Pengarah  
Politeknik Metro Johor Bahru  
Jln Suria 19, Taman Putera  
**81100 JOHOR BAHRU**

Politeknik Metro Betong  
1-12 Phase 2, Betong New Township  
**95700 BETONG**

Pengarah  
Politeknik Metro Tasek Gelugor  
D/A Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh  
**13500 PERMATANG PAUH**



**ANUGERAH INOVASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu Politeknik dan Kolej Komuniti membuat permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (AIKPT) 2015.

**2. DEFINISI INOVASI**

Inovasi merupakan hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Hasil inovasi ini merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah dan cara bekerja.

**Definisi TVET**

Pengalaman dari pembelajaran yang berkait rapat dengan bidang pekerjaan. TVET mungkin dizahirkan dalam pelbagai konteks pembelajaran termasuk melalui institusi pendidikan dan tempat kerja.

**3. OBJEKTIF ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT)**

Objektif AIKPT adalah seperti berikut :

- i. Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh Jabatan/Bahagian/Agensi/IPT/Sekolah;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan;
- iii. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah agensi lain; dan
- iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

#### 4. PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015

- i. Program/ Produk Inovasi bagi penyertaan AIKPT 2015 adalah bertemakan Inovasi dalam TVET.

#### 5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan AIKPT adalah seperti berikut :

- i. Inovasi hendaklah **dihasilkan oleh Politeknik atau Kolej Komuniti**.
- ii. Penyertaan dalam AIKPT hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing;
- iii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi impak yang jelas dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi;
- iv. Politeknik atau Kolej Komuniti **bebas mencalonkan seberapa banyak** hasil projek Inovasi untuk pertandingan AIKPT;
- v. Projek-projek Inovasi berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai AIKPT:
  - Projek Inovasi yang melibatkan hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D (**yang melibatkan geran penyelidikan**).
  - Projek Inovasi untuk tujuan komersial.
  - Projek Inovasi yang melebihi tiga (3) tahun dari tarikh ianya diperkenalkan.

### TUMPUAN DAN KRITERIA PENILAIAN

#### 6. TUMPUAN DAN KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015

Tumpuan penilaian dan kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan projek inovasi AIKPT adalah seperti berikut :

- i. **Tumpuan Penilaian Pertama : Idea**

Idea yang dicetuskan bagi menghasilkan sesuatu projek inovasi itu diukur dari segi kreativitinya iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi inovasi tersebut.

##### **Kriteria Penilaian 1 : Kreativiti**

Kriteria ini dibuat bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- a) Keaslian inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli;
- b) Adaptasi inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.

ii. **Tumpuan Penilaian Kedua: Hasil Inovasi (Output)**

Hasil inovasi (*output*) diukur dengan mengambil kira tahap pelaksanaan dan *replicability* sesuatu inovasi itu.

**Kriteria Penilaian 2: Tahap pelaksanaan**

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti berikut :

- a) Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau
- b) Secara percubaan (di peringkat prototaip)

**Kriteria Penilaian 3: *Replicability***

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri *replicability* dan terdapat bukti inovasi tersebut boleh digunakan oleh agensi-agensi lain seperti berikut :

- a) Dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat; dan
- b) Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.

iii. **Tumpuan Penilaian Ketiga : Impak (Outcome)**

Impak (*Outcome*) dinilai dengan melihat kepada kriteria efisien (kecekapan) dan signifikan projek inovasi tersebut.

**Kriteria Penilaian 4: Efisien**

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada :

- a) Penjimatan masa
- b) Penjimatan kos
- c) Peningkatan produktiviti
- d) Mudah digunakan (*user-friendly*)

### **Kriteria Penilaian 5: Signifikan**

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam:

- a) Perkhidmatan Awam
- b) Organisasi
- c) Bahagian/ Seksyen/ Unit

#### **iv. Tumpuan Penilaian Keempat : Pengurusan**

Aspek pengurusan dinilai dengan memberi penekanan kepada komitmen pihak pengurusan atasan

### **Kriteria Penilaian 6 : Komitmen**

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana komitmen pengurusan atasan dalam memberi sokongan dari segi :

- a) Kewangan
- b) Pengurusan Sumber Manusia
- c) Insentif
- d) Penghargaan
- e) Peralatan

**SKALA PEMARKAHAN  
ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

Skala pemarkahan diberikan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di jadual di bawah:

TUMPUAN PENILAIAN/ KRITERIA PEMARKAHAN	MARKAH PENUH
<b>(A) Tumpuan Penilaian : IDEA</b>	
1. Kreativiti	
a. Keaslian; <b>ATAU</b>	25
b. Adaptasi	15
<b>JUMLAH MARKAH (A) :</b>	<b>25</b>
<b>(B) Tumpuan Penilaian : HASIL INOVASI (OUTPUT)</b>	
2. Tahap Pelaksanaan	
a. Secara penuh (melepassi peringkat percubaan); <b>ATAU</b>	20
b. Percubaan (peringkat prototaip)	10
3. <i>Replicability</i>	
a. Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; <b>ATAU</b>	10
b. Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi	6
<b>JUMLAH MARKAH (B) :</b>	<b>30</b>
<b>(C) Tumpuan Penilaian : IMPAK (OUTCOME)</b>	
4. Efisien (Kecekapan)	
a. Jimat masa	5
b. Jimat kos	5
c. Tingkatkan produktiviti	5
d. Mudah digunakan ( <i>user-friendly</i> )	5
5. Signifikan	
a. Tinggi (Impak kepada perkhidmatan Awam/ Negara); <b>ATAU</b>	20
b. Sederhana (Impak kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi); <b>ATAU</b>	15
c. Rendah (Impak kepada Bahagian/ Seksyen/ Unit)	10
<b>JUMLAH MARKAH (C) :</b>	<b>40</b>

**(D) Tumpuan Penilaian : PENGURUSAN**

6. Komitmen (Pengurusan atasan telah memberi sokongan dari segi)	
a. Sumber Kewangan	1
b. Sumber Manusia	1
c. Insentif	1
d. Penghargaan	1
e. Peralatan	1
<b>JUMLAH MARKAH (D) :</b> / 5	<b>5</b>
<b>JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (A + B + C + D) :</b> / 100	<b>100</b>

**MAKLUMAN :**

- Setiap penyertaan akan dibuat **SARINGAN AWAL** oleh Jawatankuasa Panel Penilai AIKPT 2015.
- Hanya penyertaan yang **LAYAK** sahaja akan **disenarai pendek**.
- Penyertaan yang disenarai pendek akan diminta untuk **menyiapkan persembahan video** projek inovasi masing-masing (tidak melebihi 5 minit) pada satu tarikh yang ditetapkan oleh urus setia.
- Keputusan Panel Penilai AIKPT 2015 adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan

**FORMAT LAPORAN INOVASI  
ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

1. Laporan inovasi hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Malaysia dan mengandungi perkara-perkara berikut :
  - i. Maklumat ringkas mengenai Politeknik dan Kolej Komuniti yang memperkenalkan Inovasi;
  - ii. Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
  - iii. Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;
  - iv. Masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan; dan;
  - v. Faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan. (Penerangan mengenai faedah perlu disokong dengan data dan bukti yang nyata) :
    - a) Kreativiti
    - b) Tahap pelaksanaan
    - c) *Replicability*
    - d) Efisien
    - e) Signifikan
    - f) Komitmen Pengurusan Atasan
  - vi. Gambar-gambar inovasi beserta dengan tajuk
    - a) Saiz 3R
    - b) Minimum 4 keping
    - c) Maksimum 10 keping
    - d) Sekurang-kurangnya 1 keping gambar sebelum inovasi, 1 keping gambar selepas inovasi dan 1 keping gambar ahli kumpulan yang terlibat dalam menghasilkan projek Inovasi
2. Minimum 4 salinan (**hard copy**) dan 1 salinan (**soft-copy-CD**) laporan perlu dihantar untuk satu projek inovasi.
3. Format penulisan laporan adalah seperti berikut :
  - a) Jenis Font – Arial
  - b) Saiz Font – 12
  - c) *Line Spacing* – 1.5
  - d) Tidak melebihi dari 50 muka surat

## CARA PERMOHONAN

Politeknik dan Kolej Komuniti yang ingin menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (AIKPT) 2015 hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut :

1. Melengkapkan borang penyertaan dengan ditandatangani oleh Ketua Jabatan seperti di **(LAMPIRAN II)**;
2. Menyediakan laporan inovasi dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut :
  - a) Maklumat ringkas mengenai Politeknik atau Kolej Komuniti yang memperkenalkan inovasi;
  - b) Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
  - c) Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum projek inovasi dilaksanakan;
  - d) Masalah-masalah inovasi sebelum dilaksanakan; dan
  - e) Faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria yang ditetapkan.
3. Mengemukakan maklumat-maklumat berikut kepada urus setia sebelum tarikh tutup yang ditetapkan :
  - a) Borang Penyertaan **(LAMPIRAN II)**;
  - b) Ringkasan Projek **(LAMPIRAN III)**
  - c) Laporan Penuh Projek Inovasi;
4. Tarikh tutup penyertaan Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (AIKPT) 2015 adalah **13 November 2015 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengahari.**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**ANUGERAH INOVASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

Borang hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya pada 13 November 2015 kepada:

**Urus Setia Anugerah Inovasi KPT 2015**

Unit Inovasi

Bahagian Khidmat Pengurusan

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 3, No. 2, Menara 2,

Jalan P5/6, Presint 5,

62200 Putrajaya

(u.p : Cik Ina Tisha Merican binti Din Merican)

Tel : 03-8070 6075/ 6076/ 6077

Faks : 03 -8870 6823

Email: inovasi.bkp@moe.gov.my

**UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA**

**Tarikh Terima:**

**No Rujukan:**

**MAKLUMAT PEMOHON**

**1. Maklumat Agensi:**

Nama Agensi : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

No Telefon : \_\_\_\_\_ No Faks : \_\_\_\_\_

**2. Tajuk Projek Inovasi :**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**3. Nama Pegawai bertanggungjawab untuk dihubungi :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No Telefon : \_\_\_\_\_ No Faks : \_\_\_\_\_

Email : \_\_\_\_\_

**4. Pengesahan Ketua Jabatan**

Saya mengesahkan bahawa hasil inovasi ini adalah yang pertama kali diperkenalkan di dalam Perkhidmatan Awam.

\_\_\_\_\_  
**Tandatangan Ketua Jabatan/ Agensi**

**Nama :**

**Jawatan :**

\_\_\_\_\_  
**Cop Agensi**

**Tarikh :**



**RINGKASAN PROJEK BAGI PENGALONAN  
ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (AIKPT) TAHUN 2015**

1.	NAMA POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI	
2.	TAJUK PROJEK INOVASI KATEGORI : INOVASI DALAM TVET	
3.	RINGKASAN PROJEK INOVASI (Maksimum 100 patah perkataan)	

4.	<b>MASALAH SEBELUM PROJEK INOVASI DIPERKENALKAN</b>	
5.	<b>PENJELASAN HASIL PROJEK INOVASI DARIPADA ASPEK-ASPEK BERIKUT:</b> i. <b>Idea/Kreativiti</b> a) Keaslian; <b>ATAU</b> b) Adaptasi  ii. <b>Tahap pelaksanaan</b> a) Secara penuh; <b>ATAU</b> b) Percubaan	
5.	iii. <b>Replicability</b> a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; <b>ATAU</b> b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi	
6.	<b>IMPAK (OUTCOME) SETELAH INOVASI DIPERKENALKAN</b> i) <b>Efisien (Kecekapan)</b> a) Jimat masa (cth: dari 10 hari kepada 5 hari) b) Jimat kos (cth: sebanyak RM15,000 dapat	

	<p>dijimatkan)</p> <p>c) Tingkatkan produktiviti</p> <p>d) Mudah digunakan - user friendly</p>	
	<p><b>ii) Signifikan</b></p> <p>a) Tinggi (Impak kepada Perkhidmatan Awam/Negara); ATAU</p> <p>b) Sederhana (Impak kepada Kementerian/Jabatan/Agensi) ATAU</p> <p>c) Rendah (Impak kepada Bahagian/Seksyen/Unit)</p>	
<p>7.</p>	<p><b>KOMITMEN PENGURUSAN</b></p> <p>Pengurusan atasan telah memberi sokongan/ komitmen dari segi:</p> <p>a) Sumber Kewangan</p> <p>b) Sumber Manusia</p> <p>c) Insentif</p> <p>d) Penghargaan</p> <p>e) Peralatan</p>	

